

PM tegur golongan kutuk kerajaan

24 JUN 1988

(P)
KUALA TERENGGANU, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegur golongan tertentu yang tidak memuji kerajaan apabila ekonomi negara sudah pulih tetapi mengutuk ketika ekonomi meleset.

Perdana Menteri berkata, golongan itu dulunya menuduh kerajaan tidak berbuat sesuatu ketika harga barangan komoditi jatuh walaupun kerajaan sudah menjelaskan perkara itu berlaku kerana kemelesetan ekonomi melanda seluruh dunia.

Bagaimanapun, apabila barangan komoditi naik sekarang, mereka tidak pula memuji usaha kerajaan, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, contohnya, harga getah cair kini mencapai \$7 sekilogram berbanding dulunya tidak sampai \$2.50 manakala harga kelapa sawit pula men-

capai \$1,300 setan berbanding dulunya \$400 sahaja.

Beliau berkata demikian ketika berucap kepada lebih 5,000 pengerusi dan ahli jawatankuasa dan keselamatan kampung serta penyokong Umno. Menteri Besar, Datuk Haji Wan Mokhtar Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Yusof Nor, Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Alias Ali adalah antara yang hadir.

Gopoh

Mengenai Umno, Perdana Menteri berkata, ada pihak yang tidak mahu mengaku mereka yang menyebabkan Umno menjadi haram, sebaliknya menuduh orang lain yang berbuat demikian.

Katanya, mereka berbuat demikian kerana terlalu gopoh untuk mencapai kejayaan sehingga tidak sanggup

menunggu pemilihan yang akan datang.

Beliau juga menasihatkan ahli Umno supaya jangan terpengaruh dengan golongan yang kecewa dalam parti dan kini bergerak mencari pengaruh.

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Presiden Umno menyeru supaya ditingkatkan perpaduan di kalangan ahli dan seseorang yang ingin menjadi pemimpin perlulah menghormati suara ramai.

Beliau berkata, kerajaan menekankan soal perpaduan kerana ia akan mengukuhkan ekonomi negara dan menjadi daya tarikan pelabur asing.

"Apa yang berlaku sekarang, masih ada rakyat negara ini yang menakutkan pelabur asing untuk menanam modal dengan menuduh pemimpin Malaysia sebagai diktator dan ia adalah negara polis," katanya.